

# FOKUS RAMADAN

# 'Seronok puasa di perantauan'

Pelajar antarabangsa UMP kongsi pengalaman sambut Ramadan di negara ini

DIANA SURYA ABD WAHAB

**KUANTAN** – Meskipun berada di negara asing untuk menimba ilmu demen mencapai cita-cita, ia tidak menghalang mereka untuk menuaikan ibadah berpuasa pada bulan Ramadan ini.

Mereka termasuklah pelajar antarabangsa **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** yang tidak ketinggalan merasai pengalaman menjalani ibadah berpuasa bersama-sama rakan warga tempatan di sini.

Bagi pelajar Ijazah Sarjana (PhD) Sains dan Teknologi Industri, Md Fazlul Karim Khan, 38, dari Bangladesh, pengalaman berpuasa di Malaysia merupakan satu detik istimewa yang boleh dikongsi apabila pulang ke negara asal nasti.

Mohd Fazlul berkata, belajar dalam persekitaran berbezaya dan jauh dari kampong halaman adalah sesuatu



Pelajar antarabangsa UMP terdiri daripada pelbagai negara termasuk Bangladesh, Yemen, Algeria dan Iran gembira berkumpul untuk berbuka puasa bersama-sama.



Benraghda (kiri) kelihatan gembira ketika berbuka puasa bersama warga UMP.

yang mencabar, namun apabila mengetahui ganjaran dari Allah SWT, ia memberikan kekuatan untuk dia terus melaluiinya.

“Berbanding negara sendiri, memang ada beza. Disini yang menariknya setiap kali berbuka, kami sama-sama bawa pelbagai jenis juadah tradisional dan bertukar-tukar dengan rakan senegara.

“Dalam masa yang sama

saya dan kawan-kawan juga dapat rasa juadah yang turut dikirim oleh kawan-kawan, jiran dan keluarga angkat di sini,” katanya yang menggembari makaman Melayu seperti pulut seri kaya (pandan), karipap, nasi lemak, rendang otak-otak dan martabak.

Dalam pada itu, menurutnya, menjadikan ibadah berpuasa itu lebih kuat adalah dengan menuaikan solat sunat

Tarawih.

“Di sini saya memang tak solat tarawih sendirian, mesti berjemaah dengan komuniti di masjid. Walaupun kita semua dari tempat dan negara yang berbeza tapi bila datang masjid, kita semua sama di depan ALLAH SWT,” katanya.

Sementara itu, katanya, selama berpeluang menjalani ibadah puasa di perantauan, ia tidak pernah mengundang

rasa tidak selesa atau kekesalan malah menganggap satu perkara yang harus dilalui dengan gembira.

“Memanglah menjelang Ramadan akan mula rindu dengan negara sendiri, keluarga, adik-beradik, rakan-rakan, tapi saya kena bersabar dan tolak tepi bagi menyelesaikan tanggungjawab.

“Namun saya bersyukur, berpuasa di sini selesa, orang lain jika berkesempatan.

nya sangat baik,” katanya.

Bagi Benraghda Abdelmadjid, 29, yang berasal dari Algeria, walaupun menuaikan ibadah puasa itu tidak ada beza, namun dia gembira kerana banyak perkara menarik yang dapat dikumpul sepanjang Ramadan di negara asing.

Katanya, UMP memberikannya persekitaran rohani yang istimewa kerana kebanyakan pelajar menuaikan solat berjemaah termasuk sunat tarawih bersama-sama di masjid.

“Masa mengerjakan solat tarawih bersama pelajar-pelajar antarabangsa lain, sedikit sebanyak rasa rindu pada negara tercinta terubat.

“Seronok juga sesekali rasa kelainan. Lepas berbuka, semua pelajar di sini berarak ke masjid. Ini berbeza daripada biasa,” katanya yang turut me luangkan masa bertadarus al-Quran bersama teman-teman lain jika berkesempatan.